



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### ISU TAJAAN PROGRAM *ALL WOMEN EXPEDITION TO ANTARCTICA* (AWETA) 2018 YANG TULAR DI MEDIA SOSIAL

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ingin merujuk kepada isu yang tular di media sosial mengenai KPWKM menaja USD1 juta bagi Program Ekspedisi Wanita ke Antartika Tahun 2018.

KPWKM ingin menegaskan isu tersebut adalah **tidak benar** kerana fungsi KPWKM khususnya YB Menteri adalah sebagai penasihat program. AWETA akan mencari wanita-wanita berkeelayakan untuk diketengahkan sebagai protégé bagi misi tersebut. Mengenai tajaan program, perkara tersebut diuruskan oleh pihak AWETA dengan mendapatkan tajaan daripada syarikat korporat dan swasta yang berpotensi.

Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab dalam memperkasa wanita, KPWKM sentiasa menyokong dan memberi sepenuh galakan kepada para NGO untuk meningkatkan pencapaian wanita dalam penerokaan bidang baharu di peringkat antarabangsa. Oleh yang demikian, Kementerian berharap agar wanita di Malaysia diberi peluang sewajarnya bagi merealisasikan dan membangunkan potensi mereka di tahap yang paling optimum.

###

Disediakan oleh:

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

17 Mei 2017